

CONGRATULATIONS!

US News EDUCATION

Home Colleges Grad Schools High Schools Online Programs Community Colleges

UTM ranked **TOP 2** in Malaysia for chemistry subject based on the Best Global Universities Ranking (U.S News & World Report 2019). Thank you everyone for the endless commitment and dedication!

Global Universities Search

Clarivate Analytics

Rankings Search

[Reset search criteria]

Region

Asia

Country

Malaysia

City

Select city

Subject

Chemistry

Name

School name

Showing 1-5 of 5 schools sorted by Subject Rank

#146 Tie	University of Malaya	61.9 Subject Score
	Malaysia Kuala Lumpur, Kuala Lumpur	
	#266 (tie) – Best Global Universities	
#259 Tie	Universiti Teknologi Malaysia	54.4 Subject Score
	Malaysia Johor	
	#526 (tie) – Best Global Universities	
#288 Tie	Universiti Sains Malaysia	53.1 Subject Score
	Malaysia Penang	
	#567 (tie) – Best Global Universities	
#349 Tie	Universiti Putra Malaysia	49.3 Subject Score
	Malaysia Serdang, Selangor	
	#618 – Best Global Universities	

Selamat Menjalankan Tugas

Tahniah atas lantikan baharu Editor Bersama Berita Kimia.



Pn Nurul Hajar Sapiren



Pn Nur Niqmah Musa



En Muhammad Hafizuddin Mokhtar

TAHNIAH

PENERIMA GERAN UTMER 2019

DR MOHAMAD AFIQ BIN MOHAMED HURI
DR MOHAMAD SHAZWAN SHAH JAMIL
DR JUAN MATMIN

BIRTHDAYS OCTOBER

- 1st - En Mohd Azidy Abdull Aziz
- 9th - Dr Sheela Chandren
- 16th - PM Dr Razali Ismail
- 21st - Dr Hasmerya Maarof



Wishing you
Happy Deepavali
May the Festive Blessings and Light of Happiness Shine Upon You Always

innovative • entrepreneurial • global

FIRST YEAR EXPERIENCE (FYE)



First Year Experience (FYE) adalah program yang dianjurkan oleh Pejabat Pengajian Prasiswazah (UGS) dengan kerjasama Fakulti Sains. Program ini diadakan khas untuk semua pelajar Tahun 1. Pada 12 Oktober 2019, Jabatan Kimia telah mengadakan program FYE ini bertempat di DK9, N24 dengan melibatkan seramai 114 orang pelajar tahun 1 SSC dan SSA kohort 2019/2020. Dr Mohamad Afiq Mohamed Huri adalah wakil Jabatan Kimia sebagai Penyelaras FYE pada tahun ini. Turut terlibat sama adalah Penasihat Akademik (PA) iaitu En Hashim Baharin, Dr Norazah Basar, Dr Siti Aminah Setu dan Dr Siti Ernieyanti Hashim. Pelbagai modul telah disediakan oleh Pejabat Prasiswazah, Pusat Kaunseling dan Pusat Kerjaya. PA Tahun 1 juga terlibat sama di dalam penyampaian modul iaitu Learning Skills.

AKTIVITI STAF JABATAN

2-4 OKTOBER 2019 – SKETMA 14



Seminar Kebangsaan Teknologi Makmal kali ke-14 (SKETMA 14) telah diadakan pada 2-4 Oktober 2019 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Jeli, Kelantan. Seminar ini merupakan program dwi-

tahunan yang diadakan untuk pegawai kumpulan pelaksana yang terdiri daripada kakitangan makmal IPTA, agensi kerajaan dan swasta berkongsi maklumat, kepakaran dan mengeratkan jaringan kerjasama. Puan Ramlah binti Hussin telah mewakili UTM dan membentangkan kertas kerjanya.

6 & 22 OKTOBER 2019

WE CARE WE SHARE PASIR GUDANG

Susulan dari *Coffee Talk – We Care We Share Pasir Gudang* pada 4 September lalu, beberapa perjumpaan susulan telah berlaku antara Ketua Projek PM Dr Razali Ismail dengan Pihak Penguatkuasa Daerah (PPD) Pasir Gudang dan juga perjumpaan dengan YB Hassan Karim, MP Pasir Gudang di Pasir Gudang.



10 OKTOBER 2019

AKEPT LEADERSHIP TALK SERIES 2019 : SERIES 2



AKEPT dengan kerjasama UTM melalui UTMSPACE telah menganjurkan 'AKEPT Leadership Talk Series (ALTS) 2019: Series 2' dengan bertemakan 'Building Agility of the Malaysian Higher Education System'. Dr Mohd Akmali Mokhter telah dilantik

sebagai pelapor bagi program tersebut. Program ini bertujuan untuk menjana percambahan idea, strategi baharu dan motivasi/ aspirasi bagi memastikan perubahan positif ke arah peningkatan kualiti dan nilai kepimpinan IPT.

13 OKTOBER 2019

KARNIVAL BAHASA ANTARABANGSA



Dr Mohd Akmali Mohter telah menjadi penceramah jemputan untuk forum wacana ilmu sempena Karnival Bahasa Antarabangsa Sekolah Berasrama Penuh peringkat Kebangsaan di SM Sains Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan pada 13 Oktober. Tujuan program adalah untuk menggalakkan pelajar-pelajar Malaysia mempelajari bahasa antarabangsa atau bahasa ketiga.

3 OKTOBER 2019 - INATEX 2019


INATEX 2019 telah berlangsung dari 30 September hingga 3 Oktober sempena Innovate Johor 2019 di DSI UTM. Kumpulan *Novel Green Nanobio-based Reagent for Visualization of Wet Fingerprints* yang terdiri daripada Dr. Naji Arafat Mahat, PM Dr Roswanira Abdul Wahab, Prof Dr Wan Azlina Ahmad (Prof. Adjung), Dr Mohamad Afiq Mohamed Huri, Aida Rasyidah Azman dan DSP Hafezul Helmi Hamzah telah memenangi pingat Gangsa.



6 OKTOBER 2019

TGA-DTA-DSC LINSEIS THERMAL ANALYSIS WORKSHOP

- Tempat: N14 • Penceramah: Dr Hans dari France
- Aktiviti: pengenalan instrumen baharu berjenama Linseis serta teori dan praktikal alat *Thermal Analyzer*
- Staf terlibat: Cik Rohazlin Mohamad dan Pn Nur Niqmah Musa



14 OKTOBER 2019

LAWATAN KE OIBJ-MALAYA GLASS

Lawatan ke OIBJ-Malaya Glass, Tampoi pada 14 Oktober 2019 disertai oleh staf Jabatan Kimia iaitu PM Dr See Hong Heng, En Fuaad Omar dan En Mohamed Mohd Saleh. Lawatan ini adalah untuk membincangkan kerjasama penyelidikan serta mempromosi perkhidmatan analisis yang ditawarkan oleh Fakulti Sains dan UPMU, UTM.



15 OKTOBER 2019 – LAWATAN KE SYNTHOMER

PM Dr. Shajarahtunnur Jamil, PM Dr. Razali Ismail, Dr. Norazah Basar dan Dr. Mohd Bakri Bakar telah mengadakan lawatan ke Synthomer Sdn Bhd, Kluang pada 15 Oktober 2019 bagi merintis peluang kerjasama akademia-industri melibatkan kebolehpekerjaan graduan kimia, selaras dengan projek UVIS (*University-Industry Symbiosis*) Fakulti Sains.



17 OKTOBER 2019

BENKEL AMALAN 100% PENGAJARAN ATAS TALIAN

Bengkel yang diadakan di Bilik Latihan CICT bertujuan untuk memberi pendedahan kepada staf akademik mengenai konsep pelaksanaan pengajaran secara sepenuhnya atas talian dengan betul bagi menggalakkan pembelajaran secara fleksibel. Penceramah bengkel ini adalah Prof Dr Zaidatun bt Tasir. Pengarah Kimia, PM Dr Shajarahtunnur Jamil telah menghadiri bengkel tersebut.

19 OKTOBER 2019 – IYPT CHEMBINGO CHALLENGE



20 OKTOBER 2019 - MEET THE EXPERTS

Pensyarah Kimia, Fakulti Sains UTM telah mewakili *Young Scientists Network-Akademi Sains Malaysia* untuk menyertai Festival Sains Petrosains 2019, bertempat di Petrosains Playsmart Johor Bahru. Program berlangsung pada 19-20 Oktober 2019. Dr Sheela Chandren dan Dr Nursyafreena Attan telah dijemput sebagai penceramah untuk *Meet the Experts* pada 20 Oktober 2019.



22-23 OKTOBER 2019 - TRAINING WORKSHOP GENERAL QA/QC PROCEDURES FOR TESTING LABORATORIES

2-Day Training Workshop General QA/QC Procedures for Testing Laboratories telah diadakan pada 22-23 Oktober 2019 di KSL Hotel & Resorts, Johor Bahru yang dianjurkan oleh Institut Kimia Malaysia (IKM) Cawangan Selatan. Staf yang hadir adalah Dr Aemi Syazwani Abdul Keyon, En Anthony Nyangson Steven @ Mohd Daniel, Dr Mohd Akmali Mokhter, En Mohamed Mohd Saleh dan En Fuaad Omar.



15-17 OKTOBER 2019

ACCC7



Dr. Mohamad Shazwan Shah Jamil telah membentangkan hasil kajian penyelidikannya di *7th Asian Conference on Coordination Chemistry (ACCC7)* anjuran Institut Kimia Malaysia (IKM) pada 15–17 Oktober 2019, bertempat di PWTC Kuala Lumpur.

17 OKTOBER 2019

FORUM GROUP DISCUSSION BETWEEN UTM & UNNES



Satu perbincangan telah diadakan di antara pensyarah Teknik Kimia, UNNES dengan Prof Dr Wan Azlina Ahmad tentang cara untuk translasi penyelidikan asas kepada skala pilot pada 17 Oktober 2019. Juga cara untuk meningkatkan visibiliti pensyarah Teknik Kimia UNNES di peringkat antarabangsa melalui *Journal of Natural Resources* terbitan UNNES.

19 OKTOBER 2019 - BAKES UTM STAFF GAMES

TAHNAH kepada peserta Larian FS sempena BAKES UTM STAF GAMES!!

Pemenang dari Fakulti Sains adalah En Mohd Abdullah Lasimin (No.3) , En Saiful Rashid (No.7) dan Dr Mohd Akmali Mokhter (No.19).



PM Dr. Zaiton Abdul Majid, Dr. Sheela Chandren dan Dr. Mohd Bakri Bakar telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa pertandingan *ChemBingo Challenge* peringkat kebangsaan yang diadakan sempena Tahun Antarabangsa Jadual Berkala 2019. Program tersebut merupakan anjuran *American Chemical Society Malaysia* bersama Institut Kimia Malaysia, *Royal Society of Chemistry (RSC) Malaysia*, UCSI Kuala Lumpur dan Yayasan *Science to Action*.

24 OKTOBER 2019 – PENERBITAN BUKU FORENSIK

Penerbit UTM telah menerbitkan sebuah buku berjudul '*Scientific Approaches to Crime Investigations*' yang diedit dan ditulis bersama oleh Dr Naji Arafat Mahat dan Dr Mohamad Afiq Mohamed Huri. Buku ini yang ditulis oleh pakar forensik dari Malaysia, Amerika Syarikat dan United Kingdom mengupas perkembangan terbaharu dalam bidang rentas disiplin sains forensik. Penerbitan buku ini akan menjadi sumber rujukan kepada para saintis forensik, penyiasat forensik, pengamal undang-undang dan juga pelajar dalam bidang ini. Penulis bersama daripada Fakulti Sains UTM ialah Dr Hasmerya Maarof, Dr. Aemi Syazwani Abdul Keyon, Dr Nursyafreena Attan, PM Dr Roswanira Abdul Wahab, Aida Rasyidah Azman, Nurul Huda Nordin, Nur Najwa Zulkifli dan Nurul Amira Mohamed Farid.



24 OKTOBER 2019

DIALOG AWAM (TOWN HALL) PENCAPAIAN 2019 & STRATEGI UTM 2020



Fakulti Sains telah terlibat dalam program Dialog Awam (*Town Hall*) Pencapaian 2019 dan Strategi UTM 2020 pada 24 Oktober 2019. Program ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas serta pandangan warga UTM dan pemegang taruh universiti berkaitan pencapaian pada tahun 2019 dan strategi UTM menjelang tahun 2020, termasuk melibatkan Fakulti Sains.

24 OKTOBER 2019

BENGGKEL E-PORTFOLIO & UKQE 3001

- Tempat: Dewan Kuliah C17
- Penceramah: Dr Nursyafreena Attan
- Aktiviti: memperkenalkan E-Portfolio & UKQE 3001 termasuk penerangan ringkas
- Staf terlibat: Semua staf akademik Fakulti Sains



29 & 30 OKTOBER 2019 - PROGRAM PENGUMPULAN & PELUPUSAN SISA TERJADUAL JABATAN KIMIA

Kumpulan staf makmal Jabatan Kimia bersama staf CMC telah menjalankan aktiviti Pengumpulan dan Pelupusan Sisa Terjadual Siri 2/2019 pada 29 & 30 Oktober 2019. Bahan sisa yang akan dilupuskan dikumpul di stor simpanan sisa kimia sementara di C10 pada 29 Oktober 2019 dan diangkat oleh kontraktor yang bertanggungjawab pada 30 Oktober 2019. Terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan aktiviti ini dan telah memastikannya berjalan dengan lancar.



29-30 OKTOBER 2019 - SEMINAR PERKONGSIAN - TACIT KNOWLEDGE 2019



Seminar Perkongsian *Tacit Knowledge* diadakan pada 29 - 30 Oktober 2019 di Dewan Kuliah 8, blok N24. Seminar ini adalah platform bagi staf teknikal untuk berkongsi pengalaman, kepakaran dan kemampuan staf dalam membantu menjayakan penyelidikan, pengajaran dan operasi di UTM disamping berpeluang mendengar perkongsian dari agensi luar. Staf Jabatan Kimia yang menjadi AJK

seminar adalah En Mohd Amin Derani, Pn Suhani Md Taha, Pn Noorlyana Mazlan, En Azani Ishak dan Pn Nurul Hajar Sapiren. Selain itu, ada juga yang menghadiri seminar ini sebagai pembentang lisan (Pn Fariza Shahrom, En Muhammad Hafizuddin Mokhtar dan Pn Nur Niqmah Musa) dan pembentang poster (Cik Rohazlin Mohamad dan Pn Ramlah Hussin).

AKTIVITI PELBAGAI

SEMOGA MAJU JAYA ROHAZLIN MOHAMAD




Cik Rohazlin Mohamad akan mula bertugas di Sekolah Sains Kimia dan Teknologi Makanan (SKT), UKM mulai 1 Nov 2019. Beliau berpindah tempat kerja melalui pertukaran suka sama suka dengan staf penolong pegawai Sains UKM.

Untuk rekod, Cik Rohazlin sempat berkhidmat di Jabatan Kimia, FS selama 2 tahun 3 bulan. Semoga beliau terus memberi khidmat yang terbaik & semoga berjaya.



PnP & DEMONSTRASI INSTRUMEN



Pensyarah kursus Analisis Elektrokimia (SSCC 4233), Dr Faizuan Abdullah, telah mengambil inisiatif untuk memastikan teori yang diajar di dalam kelas dapat diaplikasikan secara praktikal. Proses pengajaran dan pembelajaran diintegrasikan dengan demonstrasi penggunaan instrumen voltametri yang sebenar dapat menambahkan pemahaman pelajar teori alat tersebut.

STUDENT EXCHANGE PROGRAMME



Pelajar Kimia Tahun 4:

- 1) Nur Syafiqah Nadiah Mohammad Rafi
- 2) Shahrini bt Muzakir

- University: Masaryk University
- Country: Brno, Czech Republic

- Penempatan: Fakulti Sains, Jabatan Biokimia
- Selian: AP Jan Lochman & AP Pavel Brož
- Scholarship: Erasmus+ ICM (800Euro/bulan) ● Tempoh: 4 bulan

NEW BABY



Welcome to Dr Fazira Ilyana Abdul Razak's 3rd child, a healthy baby girl named **Ariana Sumayya Awalluddin** borned on 5th August 2019, now almost 3 months old!!!

UMRAH

Dua rakan Jabatan Kimia telah/akan menunaikan Umrah. Sama-sama kita doakan mereka peroleh Umrah yang mabrur, dipermudahkan urusan di Tanah Suci dan kembali ke tanah air dengan selamat.

- PM Dr Zaiton Abdul Majid (17-28 Oktober 2019)
- Dr Nursyafreena Attan (6 - 17 November 2019)

WARGA KERJA BERITA KIMIA

KETUA EDITOR :

PM DR SHAJARAHTUNNUR JAMIL

EDITOR BERSAMA :

**DR SITI AMINAH SETU • DR KHAIRIL JUHANNI ABD KARIM •
DR MOHD FUAD MOHAMAD • DR NURRULHIDAYAH
SALAMUN • PN NURUL HAJAR SAPIREN • PN NUR NIQMAH
MUSA • EN MUHAMMAD HAFIZUDDIN MOKHTAR**

Terima kasih atas sokongan dan sumbangan info yang diberikan oleh semua yang terlibat

TABUNG ENDOWMEN FAKULTI SAINS

Ayuh menyumbang ke Tabung Endowmen Fakulti Sains!

Antara tujuannya adalah untuk membantu dalam perkara-perkara berikut:

- Pengajaran dan Pembelajaran di Fakulti,
- Pembangunan pelajar pra dan pascasiswazah (basiswa & upah),
- Lain-lain kegunaan yang diluluskan oleh Fakulti.

*Sila hubungi Cik Nurshamimi Atikah Zareman, Pembantu Khas Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi, Pembangunan & Alumni) untuk yang berminat